

Jenis Akhbar : Astro Awani

Tarikh : 28/02/2024

Edisi / Muka Surat : [www.astroawani.com](http://www.astroawani.com)

Tajuk : ANGKASA Anjur Kongres Koperasi Kebangsaan Selepas 55 Tahun

## ANGKASA Anjur Kongres Koperasi Kebangsaan Selepas 55 Tahun



*Abdul Fattah berkata, hasil Kongres Kerjasama Malaysia ke-2 yang diadakan pada 1969 membawa kepada penubuhan ANGKASA pada 1971.*

- 28/02/2024

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Selepas kali terakhir diadakan pada 1969, Kongres Koperasi Kebangsaan akan kembali dianjurkan oleh Angkatan Koperasi

Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) buat kali ketiga pada 23 Jun ini.

Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah dalam kenyataan hari ini berkata kongres seumpama itu iaitu Kongres Kerjasama Malaysia kali pertama

diadakan pada tahun 1966 di Universiti Malaya untuk menubuhkan Kesatuan Koperasi Peringkat Kebangsaan bagi menyatukan semua koperasi dalam satu gerakan

lebih menyeluruh.

Beliau berkata hasil Kongres Kerjasama Malaysia ke-2 yang diadakan pada 1969 membawa kepada penubuhan ANGKASA pada 1971.

“Gerakan koperasi telah bertapak di negara ini melebihi 100 tahun dan sudah tiba masanya tumpuan diberikan kepada pembangunan dan isu-isu berkaitan koperasi

di negara ini, seterusnya mencari konsensus bagi memperkasakannya.

“Kita berharap, menerusi kongres ini, koperasi berpeluang meneliti semula kerelevanan dan kesesuaian akta serta peraturan koperasi yang digunapakai supaya selari

dengan perubahan persekitaran yang dinamik,” katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Negeri (MAN) 2024 Pahang II (Timur) di Temerloh hari ini,

seperti dipetik dalam kenyataan itu.

Menurut Abdul Fattah ANGKASA menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) juga akan bekerjasama dengan agensi di bawah

kementerian seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) serta federasi koperasi untuk menjayakan kongres ini.

“Sebagai persediaan, Konvensyen Koperasi Peringkat Negeri akan dilaksanakan di setiap lokasi MAN 2024 untuk memberi peluang kepada perwakilan menyuarakan

idea dan pandangan mereka khususnya dalam mengenal pasti isu dan cabaran yang menjadi penghalang kepada pertumbuhan gerakan koperasi,” katanya.

MAN 2024 diadakan secara hybrid dan telah bermula pada 27 Feb hingga 2 Mei ini mengikut giliran dimulai dengan Pahang I (Barat).

-- BERNAMA